

# REMAJA DAN MASALAH SOSIAL

Oleh Loh Chun Chuan

**M**ELAHIRKAN masyarakat berakhlak dan mempunyai keperibadian yang mulia sudah menjadi hasrat kita semua serta menjadi penentu kepada kesejahteraan dan keharmonian negara. Malangnya, remaja di negara kita masih dibelenggu dengan pelbagai gejala sosial yang semakin berleluasa.

Gejala negatif ini amat membimbangkan semua pihak dan terus memberi tamparan hebat kepada negara kita yang akan menjengah ambang Wawasan 2020 dalam tempoh masa beberapa tahun sahaja lagi. Gejala sosial yang semakin bermaharajalela telah membawa kepada kepincangan masyarakat. Terdapat beberapa sebab berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja.

Kepincangan institusi keluarga merupakan salah satu penyebab berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja. Dalam kehidupan zaman moden yang penuh dengan cabaran dan persaingan, ibu bapa sering sibuk dengan tugas mencari rezeki untuk mengisi periuk nasi sekeluarga dan menyediakan kehidupan yang lebih baik kepada anak-anak. Dalam keghairahan mengejar kebendaan dan material, mereka mula mengabaikan tanggungjawab untuk memberi didikan kepada anak-anak. Terdapat ibu bapa yang langsung tidak prihatin terhadap pergaulan anak-anak mereka di luar. Terdapat juga segelintir remaja yang dianggap seperti rumput di tepi jalan dan langsung tidak mendapat kasih sayang daripada ibu bapa. Hal ini menyebabkan remaja lebih berkecenderungan untuk mencari hiburan dan keseronokan di luar tanpa kawalan dan

pengetahuan daripada ibu bapa. Oleh sebab itu, remaja amat mudah terjebak dalam kancang gejala sosial.

Pengaruh rakan sebaya juga merupakan salah satu sebabnya. Setiap remaja pasti mempunyai rakan sebaya dalam kehidupan seharian mereka. Malangnya, remaja yang rapuh pemikirannya amat mudah dipengaruhi oleh perbuatan dan tingkah laku negatif rakan sebaya mereka. Pengaruh negatif daripada rakan sebaya menyebabkan mereka kehilangan panduan dan pedoman dalam kehidupan. Selain itu, terdapat juga remaja yang terlibat dalam pelbagai gejala sosial kerana ingin menunjukkan keperwiraan dan kegagahan mereka di hadapan rakan sebaya. Mereka takut dipersendakan oleh rakan sebaya sebagai pengecut. Fenomena ini amat menyedihkan kerana jelas mencerminkan kelemahan kaum remaja dalam menangkis godaan pelbagai gejala sosial yang negatif. Hal ini menyebabkan gejala sosial yang berlaku dalam kalangan remaja menjadi semakin meruncing.

Terdapat juga remaja yang terlibat dalam gejala sosial kerana mempunyai perasaan ingin tahu dan mencuba yang keterlaluan. Mereka sangat berminat untuk mencuba perkara baharu yang dirasakan dapat memberi mereka kepuasan dan keseronokan. Dalam proses mencuba ini, mereka secara tidak langsung terlibat dalam gejala sosial. Selain itu, pemikiran yang tidak matang dan kelalaian ibu bapa memberikan didikan membawa kepada kerapuhan pegangan agama sehingga remaja tidak dapat membezakan perkara yang baik dengan perkara yang buruk. Lantaran itu, remaja amat mudah dipengaruhi oleh gejala sosial yang semakin berleluasa dalam masyarakat.

